



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

**PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU SECARA LANTIKAN KONTRAK
(INTERIM) DALAM PERKHIDMATAN AWAM AKAN
DISERAP KE PERJAWATAN TETAP**

Kerajaan pada 12 Julai 2023 telah memutuskan supaya **suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap** pegawai awam diperkenalkan ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam. Keputusan ini diambil adalah bagi memastikan **kemampunan kewangan Kerajaan** bagi jangka masa panjang.

Sehubungan itu, pengambilan secara lantikan kontrak sebagaimana yang diumum baru-baru ini adalah merupakan **langkah interim (bersifat sementara)** ke arah pelaksanaan kaedah baharu lantikan tetap pegawai awam yang akan melibatkan pindaan Akta yang berkaitan.

Pegawai yang dilantik menerusi lantikan kontrak (interim) ini **akan dilantik secara tetap** menerusi **kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam** yang akan dimuktamadkan kelak. Lantikan ke jawatan tetap ini juga **tertakluk kepada prestasi dan perakuan** Ketua Jabatan selanjutnya.

Pelantikan ini adalah **berdasarkan peraturan dan dasar semasa** yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP) **termasuk penetapan gaji dan kemudahan**.

Semoga penambahbaikan terhadap sistem saraan perkhidmatan awam ini dapat memacu kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam serta **menjaga kebijakan penjawat awam** selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 24 Januari 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (58)